


PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 7 BILANGAN 24

HARI ISNIN 31 DESEMBER 1962 (4 SHA'ABAN 1382)

PERCHUMA

ALLAH LANJUTKAN USIA D.Y.M.M.

**Darurat
Di-Brunei:**

BAGINDA BERSHUKOR KEAMANAN HAMPIR PULEH KEMBALI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin berkata dalam satu titah melalui Radio Brunei pada 19 Desember, 1962, bahwa dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala Baginda bershukor atas rahmat-nya yang telah di-chuchorkan kepada seluruh penduduk Negeri Brunei pada masa ini telah hampir puleh kembali dalam mana penderhaka2 yang hendak merampas kuasa Kerajaan Baginda dan chuba hendak mengancham jiwa dan keselamatan Baginda telah tidak di-izinkan oleh Tuhan kerana niat mereka yang jahat itu.

Angkatan bersenjata Kerajaan yang menjaga keselamatan Negeri Brunei Darus Salam ini ada-lah chukop dan lengkap bagi mengatasi sa-barang kemungkinan yang tidak di-ingini, titah lagi Baginda.

Sedar dan insaf serta bertaubat Seterus-nya Duli Yang Maha Mulia bertitah, "Dengan lebor-nya angkatan pehak penderhaka, maka sekarang ada-lah menjadi kewajipan kita sekalian ra'ayat Beta yang ta'at setia untuk mengembalikan semula keamanan, keselamatan dan kema'amoran di-Negeri Brunei ini.

Sa-bagaimana yang telah Beta sebutkan dalam titah Beta pada 15 Desember, 1962 yang lalu, Beta telah menyatakan beberapa perkara yang mengenai keadaan di-negeri kita sa-sudah meletus-nya penderhakaan yang di-pimpin oleh pemimpin2 Partai Ra'ayat yang telah menubuhkan Angkatan Tentera Nasional Kalimantan Utara itu.

Beta menaruh penoh keperchayaan bahwa ra'ayat Beta yang ta'at setia dan maseh tetap beriman pada Allah Subhanahu wata'ala telah sedar-menye-dari dan mengetahui bagaimana kejam-nya perbuatan2 yang telah di-lakukan oleh pehak penderhaka itu.

Chukop-lah sudah atas kesangsaraan tuan2 ra'ayat sekalian yang telah mengalami dan menerima pahit dan azab kesangsaraan hidup, yang terbit-nya dan di-sebabkan dari perbuatan jahat pemimpin2 Partai Ra'ayat yang telah mengelirukan dan menipu ra'ayat Beta sekalian.

Sekali lagi Beta menyeru pada ra'ayat Beta sekalian, berhentikan-lah dari meneruskan per-

juangan yang sia2 ini. Bertaubat-lah dan rujok-lah kembali kejalan yang benar.

Kapada saki baki ahli dari Tentera Nasional Kalimantan Utara yang maseh belum menetakan fikiran-nya, maka peluang maseh terbuka untuk mereka sekalian supaya segera letakan senjata dan menyerah diri kapada pasukan keselamatan. Ra'ayat Beta banyak yang telah tertipu.

Sa-bagaimana yang Beta perchaya dan Beta telah mengetahui dari dalil yang sampai kapada pengetahuan Beta bahwa banyak ra'ayat Beta yang telah tertipu oleh pujok rayu dan tipu muslihat dan di-paksa dari pemimpin Partai Ra'ayat yang telah membawa mereka menderhaka ia-itu perbuatan yang di-kutok Allah dan membawa kalemabah perjuangan yang telah banyak menumpahkan darah yang sia2 itu.

Beta, mudah2an dengan izin Allah, menyeru ra'ayat2 Beta yang ta'at setia yang benar terhasut dan tertipu oleh penderhaka itu supaya lekas kembali menyerahkan diri dan marilah kita bersama2 mengembalikan keamanan Negeri Brunei ini dan Beta menawarkan pengharapan untuk tuan2 sekalian jika tuan2 sekalian segera menyerah diri maka insah Allah, Beta akan memberi pengampunan kapada tuan2 yang benar kapada Allah, dan pada fikiran

beta dengan jalan pengampunan ini, Beta berharap akan dapat memberi kehidupan baharu kapada tuan2 sekalian.

Pengampunan yang beta akan beri itu ada-lah berdasarkan kapada ka-ikhlasan hati tuan2 yang benar2 rujok dan kembali ka-jalan yang benar.

Kapada seluruh ra'ayat Beta yang di-kasehi, tumpukan-lah tenaga dan fikiran tuan2 sekalian supaya memberi bantuan dan kerjasama pada Kerajaan Beta untuk mengembalikan keamanan, keselamatan dan kema'amoran negeri Brunei ini dan demikian juga beta berharap kapada tuan2 yang benar2 chinta dan inginkan Negeri Brunei berada dalam aman dan tenteram akan memberitahu rahsia2 kaum dan sa-siapa yang memihak kapada penderhaka itu kapada pehak yang berkuasa, sa-berapa segera yang boleh.

Dengan jalan ini sahaja-lah Beta perchaya kita dapat segera mengembalikan keamanan dan keselamatan negeri kita dan mudah2an dengan izin Allah kehidupan ra'ayat seluruh-nya dalam negeri kita akan kembali saperti sedia-kala sa-bagaimana yang telah kita sekalian ne'amati sa-lama ini.

Dengan sebab itu sekali lagi Beta berseru, letakan-lah senjata tuan2 dan segera menyerah diri kapada pehak yang berkuasa yang menjaga keselamatan.

Berhenti-kan-lah pertumpahan darah ia-itu pertumpahan darah yang sia2 dan kembali-lah ka-jalan yang benar.

Bertaubat-lah kapada Allah



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

dan mari-lah kita bekerjasama supaya keamanan dan kesentosaan dapat di-kembalikan-keamanan dan kesentosaan untuk di-masa depan bagi diri kita sekalian dan keamanan dan kesentosaan bagi warith2 kita sekalian yang hidup di-masa yang akan datang."

BAGINDA BERKHOTBAH

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah Berchamar Duli ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada tengah hari Juma'at 28 Desember, 1962 kerana menunaikan f a r d h u Juma'at.

Duli Yang Maha Mulia juga telah berkhotbah. Dalam khotbah itu Baginda telah memberi titah yang berharga mengandongi nasehat2 yang berfaedah terhadap kaum Muslimin khas-nya dan penduduk2 lain bangsa di-Negeri Brunei 'am-nya mengenai keadaan darurat yang sedang berlaku di-negeri ini.

Sa-baik sahaja selesai upacara sembahyang Juma'at, ramai kaum Muslimin telah menziarahi Baginda.

TITAH BAGINDA

Kapada Penduduk2 Negara

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Wadding telah menerangkan langkah penderhakaan ketua2 penderhaka yang telah mengadakan komplotan hendak menggulingkan Kerajaan dan merampas kuasa sambil mereka itu mengangkat sumpah ta'at setia kapada Baginda.

Penerangan itu telah di-buat oleh Baginda dalam satu titah menerusi Radio Brunei baharu2 ini dan di-tujukan kapada semua penduduk2 Negeri Brunei supaya mereka itu memahami kejadian2 yang amat sedeh yang telah menjeromoskan negeri ini yang aman damai dan sentosa ka-dalam kinchah kesengsaraan akibat penderhakaan penderhaka2 itu.

Titah Duli Yang Maha Mulia dengan sa-penoh-nya ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

"Sudah-lah tiba masa-nya ra'ayat Brunei memahami tentang peristiwa2 sedeh yang menjerumuskan negeri kita yang aman damai ini ka-dalam kinchah pertemporan senjata yang membawa kesengsaraan.

Beta telah mengurniakan perlembagaan bertulis yang pertama dalam tahun 1959 sa-bagai langkah pertama menuju ka-arrah sa-buah kerajaan yang demokratik. Dalam masa itu juga, beta telah merundingkan dengan Kerajaan Baginda Queen supaya kita di-beri berpemerintahan sendiri dalam negeri.

PILEHAN RAYA

Di-bawah perlembagaan itu, pilihan raya yang pertama telah di-adakan, dan Partai Rakyat telah berjaya dalam pilihan raya tersebut.

Pilihan raya yang telah di-adakan itu bukan-lah hendak menentukan siapa yang patut membentuk sa-buah kerajaan. Perlembagaan itu telah menentukan supaya ahli2 yang di-lantik duduk dalam Majlis2 Mesuarat Negeri untuk mempelajari dasar2 prinsip pemerintahan dengan tujuan untuk mengadakan perkembangan2 demokrasi bagi menubuhkan sa-buah kerajaan yang di-pilih, sa-lepas mendapat pengalaman.

Tetapi apa sudah terjadi. Sambil anggota2 Partai Rakyat mengangkat sumpah pada masa menerima lantikan, dengan mengaku ta'at setia kapada beta, mereka juga menguruskan komplot untuk menggulingkan kerajaan beta. Betapa dusta-nya mereka itu kapada tuan2 sekalian, wahai ra'ayat beta, sa-hingga tuan2 lupakan ta'at setia yang telah tuan2 berikan kapada beta serta juga nenek moyang beta. Benar-kah mereka itu memberitahu tuan2 semua bahawa beta tahu akan komplot mereka, dan beta akan di-lantik sa-bagai Raja bagi wilayah2 tetangga kita dan juga Brunei; dan benarkah mereka akan memberi tuan2 wang, tempat kediaman yang lebih baik, gaji yang lebih tinggi dan berbagai2

lagi? Benarkah mereka telah memberitahu tuan2 bahawa mereka berchadang hendak menyerang Istana beta, menyerang tempat2 kediaman pegawai2 kerajaan beta, menyerbu balai2 polis beta, dan melakukan kesengsaraan dan pertumpahan darah yang sudah berlaku sekarang.

Beta tidak perchaya yang tuan2 ra'ayat yang setia dan chintakan keamanan, telah bersetuju dengan tindakan hendak mengancham jiwa beta, dan tuan2 tidak akan bersetuju dengan perbuatan membunuh dan melukakan anggota Polis beta yang ta'at setia.

Shukur-lah kapada Allah bahawa beta telah di-selamatkan supaya dapat berkhidmat kapada ra'ayat beta di-masa ka-hadapan, saperti yang beta telah lakukan dalam masa2 yang lalu.

Betapa pula hal-nya pemimpin penderhakaan ini—Azahari—yang menjadi ketua penderhaka ini. Ia tiada berada di-sini bahkan selamat di-sabuh negara asing untuk meneruskan di'ayah palsu-nya dan membesarkan pengkhianatan-nya yang telah mengorbankan nyawa.

KEBERANIAN PULIS

Untuk menyelamatkan nyawa, dan menyelamatkan negara yang di-kasehi ini, beta telah meminta bantuan daripada kerajaan Baginda Queen. Sa-hingga bantuan ini tiba, nyawa kita sekalian telah bergantung kapada keberanian dan keazaman Pasokan Pulis beta, dan juga kapada Pegawai2 Kerajaan yang ta'at setia serta lain2 juga. Angkatan bersenjata Baginda Queen telah menyahut permintaan beta dengan segera, dan bersama2 dengan Pasokan Pulis beta, telah mengambil tindakan yang perlu untuk meujudkan semula undang2 dan ketenteraman dalam negeri ini.

Penderhakaan ini akan lebor kerana ini ada-lah tanggungjawab angkatan bersenjata Baginda Queen. Tetapi kita mestilah memandang ka-hadapan. Penderhakaan mestilah di-berhentikan dan darah jangan mengalir lagi. Beta berseru

kapada tuan2 semua yang telah di-sesatkan supaya meletakkan senjata tuan2, dan menyerah diri kapada pehak yang berkuasa.

Beta sungguh sangat berdukachita, tetapi oleh sebab kerana chintakan raayat, sama ada yang taat setia dan yang telah di-sesatkan itu, maka chita2 beta yang utama sekarang ia-lah melihat kesengsaraan ini tamat dengan segera, supaya ketenteraman ujud semula, dan beta akan menimbangkan pengampunan kapada orang2 yang telah di-sesatkan itu.

SEHAT WALAFIAT

Beta serta Raja Isteri dan anakanda2 beta berada dalam keadaan selamat sehat walafiat. Letakkan-lah senjata tuan2 dan menyerah diri kapada pehak yang berkuasa, dan mari-lah kita bekerjasama dalam suasana aman dan sentosa untuk menchapai kegembiraan di-masa depan."

Lord Selkirk Dan Sir Geofroy Tory Mengadap D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Agong Inggeris di-Tenggara Asia, Lord Selkirk dan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Persekutuan Tanah Melayu, Sir Geoffroy Tory telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali-Saifuddin pada pagi 18 Desember.

Pesuruh Jaya Agong Inggeris di-Tenggara Asia dan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Persekutuan Tanah Melayu telah di-iringi oleh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White.

Laksemana Sir David Luce

BANDAR BRUNEI. — Laksemana Sir David Luce, Panglima Agong Tentera Inggeris di-Timor Jauh telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada 18 Desember, 1962.

Beliau telah di-temani oleh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White.

Kerajaan Brunei Haramkan Partai Ra'ayat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei sa-bagai menjalankan syarat2 bawah Undang2 Pertubohan telah mengumumkan Partai Ra'ayat Brunei sa-bagai sa-buah pertubohan haram mulai daripada hari Isnin 10 Desember, 1962.

Kerajaan Brunei perchaya bahawa penderhakaan di-Brunei itu telah di-anjorkan dan di-hasut oleh suatu kumpulan fanatik di-dalam partai tersebut dengan tujuan besar-nya hendak menggulingkan Kerajaan dengan menggunakan kekerasan senjata dan sa-lepas itu menubuhkan sa-buah Kerajaan Republik di-negeri ini.

Jika tujuan2-nya berlainan maka perchubahan mengancham jiwa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan tidak akan di-perbuat.

Sa-barang orang yang menjadi ahli atau terus menguruskan atau membantu pertadbiran Partai Ra'ayat Brunei itu akan di-kenakan hukum penjara sa-hingga tiga tahun.

Semua ra'ayat yang patuh kapada Undang2 Negeri Brunei yang menjadi ahli Partai Ra'ayat Brunei sekarang hendak-lah menyimpan semua surat2, perkakas dan bendera pertubohan haram itu dan bersedia untuk menyerahkan-nya kapada pehak Pulis bila2 masa yang di-kehendaki menyerahkan barang2 tersebut.

PASOKAN SAIKOLOJIKAL

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Saikolojikal dari Pasokan Keselamatan telah menjalankan tugas dengan sa-berapa boleh menyuruh penderhaka2 yang belum menyerah diri supaya menurut Undang2 dan Perintah negeri ini.

Pasokan itu telah merunda di-kawasan2 pedalaman di-Brunei dan menyeru kapada penderhaka2 yang maseh bersembunyi diri supaya mengambil peluang pengampunan yang di-umumkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Akibat Penderhakaan Di-Brunei:

MAK.....MINTA SUSU, MAK!
MAK.....MINTA AYENG, MAK!!
MAK.....BAPA MANA, MAK?

BANDAR BRUNEI. — “Tidak-kah tuan2 mendengar bagaimana sedah-nya tangisan anak2 kechil yang merayu memohon susu.....mak.....minta susu, mak!memohon sa-titik ayer.....mak.....minta ayeng, mak!dan menyeru mana ayah.....bapa mana mak?

Kata2 yang amat sedah itu ada-lah terkandung dalam ucapan penjelasan dari pihak Kerajaan Brunei kali yang ke-dua mengenai peristiwa2 yang sedeh yang telah berlaku di-negeri ini baharu2 ini dengan menyebabkan anak2 yang tidak berdosa kehilangan bapa2-nya, bapa2 dan emak2 kehilangan anak-nya, isteri2 kehilangan suami-nya dan sa-bagai-nya.

Ucapan itu telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei melalui Radio Brunei mulai pada 21 Desember dan sa-terus-nya.

Di-bawah ini kita siarkan ucapan tersebut untuk tatapan para pembaca:

Tuan2 para pendengar serta n alian ra'ayat yang ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia.

Mari-lah kita bersama2 menadah tangan kehadzarat Allah Subahanahu-Wa-ta'ala mengucap shukor kapada-NYA atas rahmat yang telah di-limpahkan-NYA kapada kita sekalian dalam mana kita telah selamat daripada bahaya yang di-timbulkan oleh penderhaka yang di-anjorkan oleh Partai Ra'ayat Brunei. Mujor-lah Pasokan Pulis yang ta'at kapada Duli Yang Maha Mulia itu bersifat hulubalang dan bantuan Askar2 British segera tiba.

MARI-LAH KITA BEKERJASAMA

Rasa-nya, rasa hati yang saya tumpukan ini ada-lah saya tujukan kapada seluruh ra'ayat yang ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia yang saya percaya tuan2 sekalian ada-lah sama merasa bagaimana sedeh-nya kita sekalian atas malapetaka yang telah menimpa kapada kita.

Tetapi dengan izin Allah Subahanahu - Wa-ta'ala — Al-hamdulillah, kita mari-lah bersama2 kembali ka-jalan yang asal ia-itu ka-jalan yang diizinkan Allah dan mari-lah kita sekalian berkerjasama mengembalikan sa-mula keamanan, kema'amoran dan keselamatan di-Negeri Brunei ini yang kita cintai.

Sedar-lah kembali, bertaubat-lah, insafkan-lah diri tuan2 yang mana kita semua percaya tuan2 sendiri tentu telah dapat melaksanakan dan telah dapat merasa bagaimana azab sangsara malapetaka yang telah mengganggu ketenteraman kita oleh sebab perbuatan dan niat jahat yang di-timbulkan oleh pemimpin2 Partai Ra'ayat itu.

Dalam mana ra'ayat yang ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia telah banyak yang di-tipu di-suruh membunuh Raja tuan2 bapa2, adek2 beradek tuan2 sendiri dan di paksa menyertai penderhakaan yang di-kutok oleh Allah,

SEDEH-NYA TANGISAN ANAK2 KECHIL

Tidak-kah tuan2 mendengar bagaimana sedeh-nya tangisan anak2 kechil yang merayu memohon susu, “mak—minta susu, mak!” memohon sa-titik ayer “mak—minta ayeng mak!” dan menyeru mana ayah “bapa mana mak?” dan saudara-nya dalam mana titisan ayer mata yang terbit mencuchor ka-pipi yang suchi dari janda2 yang telah ditinggalkan, “Inda ada susu nak, bapa-mu sudah mati lai, Ya'Allah”—hasil dari kerja penderhakaan yang sia2. Bukan Hanya janda2 dan anak2 yatim piatu itu sentiasa mengalir ayer mata dan perasa'an sedeh kerana mengenangkan nasib hidup-nya, tetapi juga akan menyayatkan dan menyedihkan hati kita sekalian yang insaf yang sentiasa ingat kapada Allah dan tidak mengingini perbuatan yang durjana yang mana menyebabkan kita sekalian azab sangsara, padahal hidup kita selama ini ada-lah sentosa atau sentiasa berbaik2 dengan keadaan hidup kita di-Negeri Brunei ini.

Hanya-lah di-sebabkan oleh niat jahat Shaikh Azahari dan rakan2 sa-perjuangan-nya yang telah memperdayakan tuan2 dengan kata2 dan janji2 yang samata2 menipu tuan2.

Wahai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia yang ta'at setia. Mari-lah kembali, mari-lah kita bersama menginsafi akan kudrat Allah Subahanahu-Wa-ta'ala yang sentiasa berdiri dan menyertai kapada pihak yang benar.

TIDAK-KAH TUAN2 INSAF DAN KASEHAN KAPADA BAGINDA?

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bukan hanya di-sebut2 baginda sa-orang raja yang alim dan kaseh penyang kapada ra'ayat-nya dengan tidak memandang kapada bangsa dan ugama keturunan dan taraf-nya.

Tetapi sifat baginda yang semula jadi itu ada-lah tetap dengan izin Allah yang sentiasa melindungi Baginda dengan pendirian baginda yang dapat di-buktikan dan dapat di-lihat dalam keadaan bahaya dan sangsara ini.

Tidak-kah tuan2 insaf dan tidak-kah tuan2 kasehan kapada Sultan dan Raja tuan2 yang sentiasa mengingati kapada ra'ayat yang mana baginda hidup sangsara bukan hanya baginda sendiri malah kerabat baginda terpaksa menyertai dan menerima azab sangsara ini, sehingga hendak santap sa-titik ayer pun Duli Yang Maha Mulia terpaksa menelan ayer lior dan bersabar serta bersukur kapada Allah kerana baginda sedar biar-lah baginda sangsara asalkan keselamatan, kema'amoran dan keamanan ra'ayat-nya dapat kembali dan dapat di-nikmati oleh ra'ayat-nya sekalian.

Wahai para pendengar dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia yang ta'at setia:

Segera-lah kembali dan berilah kerjasama kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dengan jalan memberi maklumat2 kapada pihak yang berkuasa jika-lau sa-kira-nya maseh ada lagi di-dapati puak2 penderhaka maseh berdegil menyembunyikan diri-nya sama ada di-rumah tuan2 atau pun di-kampung tuan2. Jika mereka ini maseh ada lagi bersembunyi di-kampung tuan2, keselamatan tuan2 tentu akan di-ganggu dan tuan2 tidak dapat menikmati akan kemewahan yang di-dapati oleh kampung2 atau rumah2 yang tidak mempunyai sa-orang pun puak penderhaka lagi.

Kapada mereka itu, beri-lah nasihat yang mulia supaya mereka kembali ka-jalan Allah dan segera menyerah diri, sebab

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah pun melakukan janji titah-nya bahawa walau pun mereka telah keluar menderhaka dengan keganasan, tetapi baginda sedar bahawa banyak ra'ayat-nya itu hanya samata2 tertipu oleh pemimpin2 Partai Ra'ayat dan di-paksa oleh mereka.

Dengan sebab kesedaran ini, baginda sudah memberi jaminan pengampunan kapada ra'ayat-nya yang telah rujuk kembali dan bertaubat kapada Allah.

Janji pengampunan Duli Yang Maha Mulia itu telah pun diketahui oleh seluruh ra'ayat dan juga oleh dunia luar yang mana telah di-siarkan di-seluruh siaran radio—bukan hanya di-Brunei tetapi di-seluruh dunia dan juga telah di-siarkan oleh surat2 khabar dunia.

Tidak-lah kita ragu2 lagi, bahawa janji Duli Yang Maha Mulia itu akan di-penuhi oleh baginda, kerana baginda memang-lah sudah terkenal sa-orang raja yang pengaseh dan penyayang kapada ra'ayat-nya.

BERLINANG AYER MATA

Tuan2 yang maseh ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia. Sa-bagaimana tuan2 ketahui pemimpin Partai Ra'ayat Shaikh Azahari dan teman baik-nya Zaini Haji Ahmad masa ini sedang bersenang linang di-sabuh negeri yang luar dari lengkungan Commonwealth. Azahari dan isteri-nya, anak-nya dan bapa mertua-nya maseh senyum dan maseh riang dengan angan2 menggelarkan diri-nya “Perdana Menteri.”

Tetapi siapa-kah yang menerima sangsara atau siapa-kah yang menangis, isteri siapa-kah yang sentiasa bersedeh, bermuram durja, berlinang ayer mata—isteri dan anak2 siapa-kah yang dudok dalam berduka-kahita?. Tidak lain, hanya-lah ra'ayat jelata yang telah tertipu oleh mereka itu.

Dengan ini jelas-lah, bahawa penderhaka2 itu hanya-lah samata2 mementingkan diri mereka sendiri dan melimparkan dan meninggalkan kesangsaraan itu kapada ra'ayat jelata terutama pengikut2-nya.

Nama ra'ayat Brunei yang selama ini di-sanjong tinggi sa-bagai ra'ayat yang mempunyai sifat peri kemanusiaan, chintakan keamanan dan chintakan damai serta mempunyai budi bahasa dan laku pekerti yang

(Lihat Muka 10)

UNDANG2 KETENTERAMAN

ORANG RAMAI TAHUN 1962

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, dalam menjalankan kuasa yang di-beri kepada beliau oleh bab. 16, 20, 21, 22, 23 dan 28 dari Undang2 Ketenteraman Orang Ramai, 1962, dengan ini mengenakan syarat2 bab2 tersebut di-seluruh Negeri Brunei mulai dari 8 Desember, 1962.

Bab 16 (1) Undang2 tersebut berbunyi: Dalam mana2 daerah, kawasan atau tempat di-mana syarat2 dari bab ini telah di-kenakan oleh Menti Besar dengan persetujuan Sultan, dengan siaran dalam *Warta Kerajaan*, Pesuruh Jaya Pulis boleh, kalau pada pandangan-nya mustahak di-perbuat begitu bagi faedah keselamatan orang ramai dan menjaga ketenteraman 'am, tertalok kepada pengecualian seperti yang di-tentukan dalam-nya, dengan perintah, memerintah tiap2 orang dalam mana2 kawasan yang di-tentukan dalam perintah itu supaya berada di-dalam r u m a h dalam masa dan jam seperti yang di-tentukan dalam-nya; dan, dalam perkara seperti itu, kalau sebarang orang berada di-luar rumah dalam kawasan seperti itu tanpa kebenaran bertulis dalam borang yang di-tentukan yang di-keluarkan oleh sebarang pegawai penguasa sebuah balai pulis atau sebarang pegawai pulis yang lain yang berpangkat atau pangkat-nya tinggi daripada Merinyu, ia adalah melakukan kesalahan dan boleh di-hukum penjara selama satu tahun atau denda sebanyak dua ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda yang tersebut.

Bab 16 (2) Perintah yang dibuat di-bawah syarat2 dari pasal (1) tidak akan terus menerus berjalan kuat-kuasa-nya bagi satu masa melebihi tiga hari melainkan di-sahkan oleh Menteri Besar.

Bab 16 (3): Perintah yang dibuat di-bawah syarat2 dari bab ini tidak akan terkena kepada—

- Sultan atau sebarang ahli Majlis Meshuarat Di-Raja atau Majlis Meshuarat Negeri; atau
- sebarang pegawai pulis atau sebarang ahli dari angkatan2 bersenjata Negeri itu, atau dari angkatan sukarela atau sebarang angkatan tempatan yang di-tubuhkan di-bawah mana2 Undang2 bertulis, atau mana2 angkatan yang melawat dengan sechara halal berada dalam Negeri, apabila pegawai seperti itu atau ahli itu menjalankan tugas yang di-beri kepada-nya; atau
- Sebarang orang atau perengkat orang2 yang

di-kechualikan daripada syarat2 perintah itu oleh Pesuruh Jaya Pulis.

Bab 20: Dalam mana2 daerah, kawasan atau tempat di-mana syarat2 dari bab ini telah di-kenakan oleh Menteri Besar dengan persetujuan Sultan, dengan siaran *Warta Kerajaan* Pesuruh Jaya Pulis boleh, kalau pada pandangan-nya mustahak di-perbuat begitu bagi faedah keselamatan orang ramai dan menjaga ketenteraman 'am, dengan perintah, menegah atau menyekat kegunaan mana2 kereta atau jenis kereta, di-mana2 jalan raya yang di-tentukan dalam lengkungan mana2 kawasan sama ada 'am-nya atau dalam masa2 yang tertentu dan sebarang orang yang menggunakan mana2 kereta dengan melanggar mana2 perintah seperti itu adalah melakukan kesalahan dan boleh di-hukum penjara selama satu tahun atau denda sebanyak dua ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda yang tersebut.

PERSETUJUAN D.Y.M.M. SULTAN

Bab 21 (1): Dalam mana2 daerah, kawasan atau tempat di-mana syarat2 dari bab ini telah di-kenakan oleh Menteri Besar dengan persetujuan Sultan dengan siaran dalam *Warta Kerajaan*, Pesuruh Jaya Pulis boleh, dengan perintah, menyekat kemasokan semua orang atau sebarang perengkat orang2 dari mana2 kawasan dalam Daerah Pulis itu, atau dari mana2 tempat atau bangunan di-dalam-nya dan boleh berkehendakkan mana2 orang yang di-dalam kawasan seperti itu atau bangunan supaya patoh kepada perintah2 itu bagi mengot gerak geri dan kelakuan-nya seperti yang boleh di-perintahkannya oleh Pesuruh Jaya Pulis.

Bab 21 (2): Sebarang pegawai pulis boleh memereksa sebarang orang yang masuk atau hendak masuk, atau yang berada dalam, kawasan seperti itu, tempat atau bangunan, di-mana satu perintah di-bawah cheraian (1) dari bab ini ada pada masa itu berjalan kuat-kuasa-nya dan boleh menahan sebarang orang bagi tujuan hendak memereksa-nya;

Dengan syarat bahawa orang perempuan tidak boleh di-pereksa di-bawah pasal ini melainkan oleh sa-orang perem-

puan.

Bab 21 (3): Kalau sebarang orang sambil berada dalam satu kawasan, tempat atau bangunan di-mana satu perintah di-bawah cheraian (1) dari bab ini ada pada masa itu berjalan kuat-kuasa-nya bantah perintah itu atau dengan mana2 perintah yang di-beri di-bawah itu di-waktu itu, dengan tidak menchatkan mana2 da'awaan yang mungkin di-perbuat keatas-nya, ia boleh di-pindahkan dari kawasan seperti itu, tempat atau bangunan oleh sa-orang pegawai pulis.

Bab 21 (4): Kuasa2 yang di-beri oleh cheraian (1) dari bab ini boleh di-jalankan oleh sebarang pegawai pulis yang pangkat-nya tidak rendah dari Merinyu yang ada di-beri kuasa bertulis bagi pihak itu oleh Pesuruh Jaya Pulis.

Bab 21 (5): Menteri Besar boleh membuat suatu perintah dan boleh meminda atau membatalkan mana2 perintah yang di-buat oleh saorang pegawai pulis dalam menjalankan kuasa2 yang di-beri oleh cheraian (1) dari bab ini.

Bab 21 (6): Sebarang orang yang melanggar mana2 perintah yang di-buat di-bawah cheraian (1) atau bantah mana2 perintah yang di-buat di-bawah itu adalah melakukan satu kesalahan dan boleh di-hukum penjara selama enam bulan atau denda sebanyak satu ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda yang tersebut.

WARTA KERAJAAN

Bab 22 (1): Dalam mana2 daerah, kawasan atau tempat di-mana syarat2 dari bab ini telah di-kenakan oleh Menteri Besar dengan persetujuan Sultan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, Pesuruh Jaya Pulis boleh, kalau pada pandangan-nya mustahak bagi faedah orang ramai membuat begitu, dari satu masa ka-satu masa, dengan tidak menghiraukan bahawa lesen2 atau kebenaran telah di-keluarkan di-bawah mana2 Undang2 bertulis mengenai senjata api seperti itu dan peluru, dengan perintah, menegah penggunaan, pemilikan atau simpanan senjata2 api dan peluru2 di-mana2 bahagian dalam Negeri bagi satu masa yang boleh di-tentukan dalam perintah itu; dan boleh, di-masa itu juga, beri perintah —

- mengambil supaya di-simpan semua senjata2 api dan peluru2;
- membatalkan atau menggantungkan lesen2 atau kebenaran2 untuk sen-

jata2 api dan peluru2 bagi satu masa seperti yang di-tentukan dalam perintah itu;

- memberi notis perintah itu kepada mana2 orang yang, dalam fikiran-nya, patut menerima notis itu;
- pada 'am-nya menjalankan kuat-kuasa perintah seperti itu.

TANGGONG JAWAB

Bab 23 (1): Dalam mana2 daerah, kawasan atau tempat di-mana syarat2 dari bab ini telah di-kenakan oleh Menteri Besar dengan persetujuan Sultan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, sebarang orang y tanpa maksud yang di-be, oleh Undang2, tanggong jawab membektikan-nya terletak pada orang itu sendiri, membawa atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya —

- sebarang senjata api, tanpa kebenaran di-sisi undang2; atau
- sebarang peluru atau ubat bedil tanpa kebenaran di-sisi undang2,

akan melakukan satu kesalahan dan boleh di-kenakan penjara sa-umur hidup.

Bab 23 (2): Sa-saorang akan di-anggap mempunyai kebenaran di-sisi Undan2 bagi maksud Undang2 ini chuma kalau ia —

- ia-lah sa-orang pegawai pulis atau sa-orang dari angkatan bersenjata Negeri itu, atau dari angkatan sukarela yang di-tubuhkan di-bawah sebarang undang2 bertulis, atau dari mana2 angkatan yang melawat dengan sechara halal berada dalam Negeri; atau
- ia-lah saorang yang di-beri lesen penoh, atau di-benarkan tanpa berlesen, di-bawah syarat2 dari mana2 Undang2 bertulis yang pada masa itu berjalan kuat-kuasa-nya untuk membawa, memileki atau ada di-bawah kawalan-nya senjata api seperti itu, peluru atau ubat bedil; atau
- ia-lah saorang yang di-kechualikan dari Undang2 ini oleh Pesuruh Jaya Pulis:

Dengan syarat bahawa tidak ada orang yang akan di-anggap mempunyai kebenaran di-sisi Undang2 bagi maksud Undang2 ini atau di-kechualikan daripada Undang2 ini kalau ia membawa

(Lihat Muka 5)

D.Y.M.M. Menafikan Berita2 Mengenai Peranan Baginda Dalam Gerakan Penderhakaan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menafikan berita2 mengenai peranan Baginda dalam gerakan pemberontakan dan juga untong nasib Baginda serta keluarga Diraja.

Baginda telah menafikan berita tersebut dalam satu persidangan akhbar yang telah di-adakan di-bangunan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada 14 Desember, 1962.

Lebih daripada 20 orang Baginda telah mensifatkan pemberita2 akhbar dan wakil2 berita2 itu sa-bagai palsu dan shariat television dari luar negeri telah menghadiri persidangan tersebut.

Telah di-beritakan juga bahawa pemberontakan di-Negeri Brunei telah mendapat sokongan dari Baginda dan Baginda sendiri telah menaikkan bendera penderhaka2 itu.

Duli Yang Maha Mulia telah menyatakan bahawa salah satu dari berita2 itu telah menyatakan bahawa Baginda telah ditawan oleh pihak penderhaka2 itu untuk di-buat sa-bagai orang jaminan.

Ada juga berita2 menyatakan bahawa Baginda telah menjadi orang tawanan pihak Inggeris.

Berita2 itu ada-lah palsu belaka dan sa-bagai satu bokitnya para Wartawan tersebut telah dapat menyaksikan wajah Baginda sendiri dalam persidangan akhbar itu, titah Baginda.

Baginda menyatakan bahawa berita2 angin itu telah 'di-sibar'kan oleh penderhaka2 itu supaya mengelirukan fikiran ra'ayat.

Duli Yang Maha Mulia telah menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan Inggeris dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah membantu Baginda untuk menghancurkan pemberontakan di-negeri ini.

Baginda telah juga menguchapkan tahniah kepada Pasukan Polis Brunei atas keberanian dan keazaman mereka menentang serangan pertama dari pihak penderhaka2 serta menguchapkan keshukoran kepada ra'ayat Brunei atas kepercayaan dan ta'at setia mereka terhadap Baginda.

Dalam persidangan akhbar tersebut, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menyatakan Baginda percaya dan yakin bahawa keamanan dan keselamatan akan pulih sa-mula t'dak berapa lama lagi dengan bantuan dan kerjasama oleh ra'ayat yang ta'at setia terhadap Negeri Brunei Darus Salam.

Pertubohan Kebangsaan Brunei Ta'at Setia Kapada D.Y.M.M.

TUTONG. — Yang Dipertua, Pertubohan Kebangsaan Brunei, Inche Abdul Manan bin Mohamed menyatakan bahawa beliau berasa dukachita di-atas penderhakaan yang telah di-lakukan oleh A. M. Azahari dan rakan2-nya untuk menggulingkan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei.

Dalam satu surat yang di-alamatkan kepada Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Inche Abdul Manan berkata:

"Saya sa-laku Yang Dipertua, Pertubohan Kebangsaan Brunei (BNO) dengan ini membuat pengakuan yang ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dan Kerajaan Brunei, ia-itu akan bekerjasama untuk memulehkan keamanan dan sedia akan menjadi Askar Sukarela bagi mem-
tahu Kerajaan."

Dalam surat-nya itu, Inche Abdul Manan berkata lagi bahawa beliau mengutok atas perbuatan kejam oleh A. M. Azahari dan rakan-nya yang

tidak berperli kemanusiaan.

PENGUMUMAN POLIS

BANDAR BRUNEI.—Orang ramai yang mempunyai senjata2 api ada-lah di-perentahkan supaya menyerahkan senjata2 api itu dengan saberepa segera di-Ibu Pejabat Polis di-Bandar Brunei atau pun di-Balai2 Polis dalam Negeri Brunei.

Pada masa menyerahkan senjata2 api itu, mereka hendaklah membawa bersama2 lesen2 atau surat2 kebenaran yang membenarkan mereka menyimpan senjata2 api itu.

Perikatan Ra'ayat Brunei Mengutok Penderhakaan

TUTONG. — Perikatan Ra'ayat Brunei, sa-buah pertubohan politik sayap kanan, telah mengutok penderhakaan yang telah di-lakukan oleh A. M. Azahari dan penderhaka2 yang lain terhadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda baharu2 ini.

Dalam sa-puchok surat pengakuan ta'at setia yang di-sembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan oleh Yang Dipertua, Perikatan Ra'ayat Brunei, Tuan Haji Ghazali bin Umar, anggota2 P.R.B. itu telah berikrar untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan bagi memulehkan keamanan dalam negeri ini.

Mereka sanggup untuk mengorbankan jiwa-raga mereka untuk kebahagiaan dan kesentosaan Negeri Brunei.

Yang Dipertua, Perikatan

Ra'ayat Brunei, Tuan Haji Ghazali bin Umar dan Yang Dipertua, Pertubohan Kebangsaan Brunei, Inche Abdul Manan bin Mohamed telah di-tawan oleh penderhaka2 di-Penjara Jerudong pada masa mereka melakukan penderhakaan baharu2 ini.

Kedua2-nya itu telah di-bebaskan oleh Pasokan2 Keselamatan dengan tidak memperolehi kechederaan pun, pada masa Pasokan2 Keselamatan merampas sa-mula penjara tersebut dari tangan pihak penderhaka2 itu.

Undang2 Ketenteraman Orang Ramai Tahun 1962

(Dari Muka 4)

atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya sebarang senjata api seperti itu, peluru2 atau ubat bedil bagi tujuan menggunakan yang sama dalam chara yang menyinggong keselamatan umum atau menjaga ketenteraman 'am.

Bab 23 (3): Sa-saorang akan di-anggap mempunyai maksud yang di-benar oleh Undang2 ini chuma kalau ia membuktikan —

(a) bahawa ia telah mendapatkan senjata api seperti itu, peluru atau ubat bedil dalam chara yang sah di-sisi undang2 dan bagi tujuan yang sah di-sisi undang2; dan

(b) bahawa ia tidak pada bila2 masa sambil membawa atau ada dalam milek-nya atau di-bawah kawalan-nya senjata api seperti itu, peluru atau ubat bedil, bertindak sechara menyinggong keselamatan umum atau penjagaan ketenteraman 'am.

Bab 23 (4): Sa-saorang yang di-tudoh kerana suatu kesalahan di-bawah Undang2 ini tidak akan di-benarkan jamin.

KESELAMATAN UMUM

Bab 28 (1): Dalam mana2 daerah, kawasan atau tempat dimana shariat2 dari bab ini telah di-kenakan oleh Menteri Besar dengan persetujuan Sultan dengan kenyataan dalam Warta Kerajaan, kalau sa-saorang itu bila di-soal oleh sa-orang pegawai Polis yang tidak korang daripada pangkat Sergeant, gagal memberi puas hati pegawai

polis itu tentang mengenal dirinya atau tujuan2 mengapa ia berada di-tempat ia di-dapati itu, pegawai polis itu boleh kalau ia mengshakki bahawa orang itu telah bertindak atau akan bertindak sechara menyinggong keselamatan umum atau penjagaan ketenteraman 'am, tangkap dan tahan orang itu sambil menunggukan penyiasatan.

PENYIASATAN YANG MUSTAHAK

Bab 28 (2): Sa-saorang tidak boleh di-tahan di-bawah kuasa2 yang di-beri oleh Undang2 ini bagi satu masa lebih dari dua puluh empat jam melainkan dengan kebenaran Pegawai Penguasa Polis Daerah yang berkenaan atau, terta'alok kapada yang di-sharatkan salepas ini, bagi satu masa selama empat puluh delapan jam kesemuanya:

Dengan shariat bahawa kalau sa-saorang pegawai penguasa Polis Daerah itu berpuas hati bahawa penyiasatan yang mustahak tidak boleh di-siapkan dalam masa empat puluh delapan jam, ia boleh membenarkan orang itu di-tahan selanjutnya bagi satu masa tidak lebih dari empat belas hari tetapi akan, apabila memberi kebenaran seperti itu dengan serta merta mengadakan perkara itu kapada Pesuruh Jaya Polis.

Bab 28 (3): Sebarang orang yang di-tahan di-bawah kuasa2 yang di-beri oleh undang2 ini akan di-kira berada dalam tahanan yang sah di-sisi undang2 dan boleh di-tahan dalam mana2 penjara, atau dalam mana2 balai polis atau di-lain2 tempat serupa itu yang di-benarkan 'am-nya atau khas-nya oleh Menteri Besar.

Rengkasannya Berita Mengenai Penderhakaan di-Negeri Brunei Darus Salam

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 di-Bandar Brunei telah terkejut mendengar tembakan2 penderhaka pada pukul 2 pagi hari Sabtu 8 Desember, 1962. Serentak pada masa itu juga tembakan2 telah kedengaran di-kawasan Istana Darul Hana, di-kawasan Rumah Jerambak—ia-itu tempat kediaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, di-Ibu Pejabat Polis-Negeri Brunei dan di-tempat2 yang lain. Kuasa2 elektrik di-Power Station, Bandar Brunei juga telah di-binasakan pada masa itu yang menyebabkan bandar ini gelap gelita.

Sapa-kah yang bertanggung jawab terhadap perbuatan penderhaka tersebut?

Jawapan-nya ia-lah anggota2 dari "Tentera Nasional Kalimantan Utara". Mereka telah memakai pakaian seragam T.N.K.U. berwarna hijau dan menggunakan senjata api. Di-bahu baju mereka ia-lah tanda2 kepala banteng yang menunjukkan bahawa mereka-itu ia-lah anggota2 Partai Ra'ayat Brunei.

Mengapakah penderhaka2 itu melakukan perbuatan sa-demi-kian?

Menurut bukti2 yang jelas, penderhaka2 itu bermaksud hendak mengancam jiwa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Brunei dan menggulingkan Kerajaan2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Bukan sahaja penderhakaan itu di-lakukan di-Negeri Brunei, bahkan di-kawasan2 yang berhampiran dengan negeri ini juga, seperti di-Limbang, Lawas, Sibuti, Bekenu dan di-kawasan2 sempadan dengan Borneo Utara.

AZAHARI DAN ZAINI KA-MANILA

Sa-belum berlaku peristiwa yang kejam itu, A. M. Azahari ia-itu ketua penderhaka2 itu dan sa-orang penderhaka lain, Zaini Haji Ahmad telah pergi ka-Manila, ibu kota Philipina—sabuah negeri yang tidak termasuk dalam lengkungan Negara2 Commonwealth Inggeris untuk menjalankan da'ayah mereka dari sana.

Azahari telah menggelarkan diri-nya sendiri sa-bagai "Perdana Menteri, Menteri Luar dan Menteri Pertahanan, Negara Bersekutu Kalimantan Utara".

Zaini pula telah di-beri gelaran sa-bagai "Menteri Perekonomian, Menteri Perdagangan dan Menteri Perusahaan, Negara Bersekutu Kalimantan Utara".

Pada masa berlaku penderhakaan di-Negeri Brunei, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White berada di-England. Sir Dennis White telah berangkat ka-England dengan kapal terbang dari Brunei pada 12 November, 1962 untuk berchuti.

Sa-masa Sir Dennis White berada di-luar negeri, Setia Usaha Sulit dan juga Juru Iring kepada Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Inche W. J. Parks, sa-orang bekas Pegawai Kanan Polis Singapura yang telah bersara, telah memangku jawatan Sir Dennis White.

Sa-baik sahaja berlaku penderhakaan di-Brunei pada awal2 pagi hari Sabtu 8 Desember, 1962 itu, Inche Parks telah mengirim kawat kepada Pesuruh Jaya Agong Inggeris di-Tenggara Asia, Lord Selkirk yang mempunyai ibu pejabat di-Phoenix Park, Singapura dan meminta Lord Selkirk supaya menghantarkan tentera2 ka-Brunei.

SEMANGAT

KEPERWIRA'AN

Pada hari itu juga, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah membuat perhubungan dengan Lord Selkirk dan meminta Lord Selkirk menghantarkan tentera ka-Brunei bagi membantu negeri ini, kerana menurut satu perjanjian di-antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan Inggeris, perkara mengenai keselamatan dan ketenteraman dalam Negeri Brunei ada-lah di-bawah tanggung jawab Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Penderhaka2 itu telah menguasai kawasan2 dalam negeri ini, kecuali Bandar Brunei dan Ibu Pejabat Polis Kuala Belait di-Panaga, Lorong 14, Seria pada hari Sabtu 8 Desember.

Maka dengan ketabahan hati Pesuruh Jaya Polis Negeri Brunei, Inche A. N. Outram serta Pegawai2 dan Anggota2 Polis di-Ibu Pejabat Polis Negeri Brunei di-Bandar Brunei, serta Pegawai2 dan Anggota2 Polis di-Ibu Pejabat Polis Kuala Belait yang ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan mempunyai "SEMANGAT KEPERWIRA'AN" yang sejati, maka penderhaka2 itu telah dapat di-musnahkan.

Pegawai2 dan Anggota2 Polis Brunei yang mengawal Balai2 Polis yang lain dalam negeri ini telah tidak ketinggalan memperjuangkan jiwa raga mereka untuk kebahagiaan negara ini.

Pada hari Sabtu itu juga Lord Selkirk telah menghantarkan dua pasukan Askar2 Gurkha dan lebih kurang 300 orang Askar2 Inggeris ka-Brunei dengan kapal2 terbang. Mereka telah tiba di-sini pada malam hari tersebut.

Semenjak masa itu Kerajaan Inggeris telah menghantarkan beratus2 orang lagi perajurit2 dari Tentera2 Darat, Laut dan Udara Inggeris ka-Brunei untuk membantu negeri ini bagi memusnahkan penderhaka2 yang belum lagi menyerah diri.

Sa-telah berlaku penderhakaan di-Negeri Brunei pada hari Sabtu 8 Desember, 1962, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, dengan kebenaran daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, telah mengenakan shariat2 dari Undang2 Ketenteraman Dalam Negeri Brunei, Tahun 1962 kepada seluruh Negeri Brunei mulai dari hari tersebut.

Pesuruh Jaya Polis Negeri Brunei, Inche A. N. Outram pula pada hari tersebut, dengan menjalankan kuat-kuasa-nya, telah mengishtiharkan perintah berkurong bagi seluruh Negeri Brunei.

Gabnor Sarawak, Yang Terutama Sir Alexander Waddell telah mengishtiharkan perintah darurat di-kawasan2 dalam Negeri Sarawak yang berhampiran dengan Negeri Brunei pada hari itu juga.

KAWAT DARI

Y. D. P. AGONG

Pada hari Ahad 9 Desember, 1962 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu telah mengutuskan sa-puchok kawat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Maulana Al-Sultan Brunei menyatakan bahawa Baginda terperanjat terhadap kejadian penderhakaan yang telah berlaku di-Brunei.

Kerajaan serta ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu bersedia untuk membantu Kerajaan Brunei, kata Baginda.

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj pula telah memberi tahu para Wartawan di-Kuala Lumpur pada malam 9

Desember bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan menghantarkan lebih daripada 150 orang Anggota2 Polis ka-Brunei untuk membantu Kerajaan Brunei bagi mengawal keamanan dan keselamatan dalam Negeri Brunei atas permintaan Brunei.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White yang telah berangkat ka-England pada 12 November yang lalu untuk berchuti telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang Angkatan Udara Diraja Inggeris pada hari Isnin 10 Desember.

Sementara itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, dengan menggunakan kuat-kuasa-nya di-bawah Undang2 Pertubuhan Negeri Brunei, telah mengharamkan Partai Ra'ayat Brunei.

Penduduk2 di-Bandar Brunei dan yang tinggal dalam kawasan jarak tiga batu dari bandar ini yang telah berkurong di-rumah sa-lama 24 jam sa-hari semenjak berlaku penderhakaan di-negeri ini pada 8 Desember, telah di-benarkan keluar dari rumah mereka sa-lama dua jam pada hari Rabu 12 Desember, a-itu mulai dari pukul 10 pagi hingga ka-pukul 12 tengah hari.

Semenjak hari Rabu 12 Desember itu, perintah berkurong telah di-longgarkan sa-lama beberapa jam di-semua daerah dalam negeri ini.

Urusan2 di-Pejabat2 Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei pada masa ini berjalan dengan lancar seperti pada masa sa-belum berlaku penderhakaan.

Penduduk2 di-seluruh negeri ini yang ta'at setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berasa shukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana keamanan telah pulih sa-mula.

SHABASH POLIS DAN TENTERA

Shabash Pesuruh Jaya Polis Negeri Brunei, Pegawai2 dan Anggota2 Polis Brunei serta Pegawai2 dan Anggota2 Polis dari Pasukan Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu serta juga Askar2 Inggeris dan Gurkha yang telah bekerjasama dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei Yang Maha 'Adil untuk mengekalkan negara ini sa-bagai sa-buah negara yang sentiasa aman dan damai—"BRUNEI — THE ABODE OF PEACE", ia-itu "BRUNEI — DARUS SALAM".

D.Y.M.M. SENTIASA MEMIKIRKAN KEBAJIKAN RA'AYAT dan Chintakan Ra'ayat Baginda

BANDAR BRUNEI. — “Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang sentiasa memikirkan kebajikan ra'ayat-nya masa ini tidak mengira siang malam, tidak mengira kesenangan-nya. Duli Yang Maha Mulia sendiri pun terpaksa menerima kesangsaraan ini, tetapi Baginda tetap sabar dan bertuakal kapada Allah dengan niat-nya yang sentiasa chintakan ra'ayat-nya.....”

Demikian antara-nya kandungan ucapan yang telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei melalui Radio Brunei pada 17 Desember, 1962 ia-itu sebagai satu penjelasan dari pihak Kerajaan Brunei kali yang pertama berkenaan dengan penderhakaan di-Brunei.

Ucapan itu dengan sa-lengkap-nya ada-lah seperti di-bawah ini:

“Para pendengar serta sekalian ra'ayat yang ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia dengan tidak berbelah bagi.

“Tuan2 sekalian, sejak meletus-nya penderhakaan yang di-anjurkan oleh Partai Ra'ayat Brunei dengan menubuhkan satu Angkatan Tentera Bersenjata yang bernama “Tentera National Kalimantan Utara,” hingga ka-sa'at ini tuan2 telah mengetahui dan telah merasa apakah akibat-nya dari perbuatan yang di-kutuk Allah itu.

Sa-belum-nya penderhakaan yang di-anjurkan oleh pemimpin2 Partai Ra'ayat yang di-bawah penganjur besar-nya Azahari dan Kuncho2-nya, tuan2 sekalian telah banyak menumpukan keperchayaan tuan2 kapada Partai Ra'ayat yang banyak memberi janji2 yang enak2 dan lemak manis bunyi-nya; api mengandongi rachun di-alam-nya untuk menipu dan membujuk tuan2 supaya men-champori Partai Ra'ayat.

BETAPA LEMAK MANIS-NYA.....

Tuan2 tentu maseh ingat, betapa lemak manis-nya pemimpin2 Partai Ra'ayat membujuk tuan2, dan memberi janji2 yang baik untuk kehidupan tuan2 sekalian.

Mereka telah menyatakan supaya tuan2 memberi kerjasama kapada Partai Ra'ayat yang akan membimbing tuan2 ka-jalan yang bahagia di-mana tuan2 telah di-janjikan supaya hidup mewah dengan membahagi2 kan wang2 yang ada dalam simpanan membahagi2kan kesenangan2, rumah2 yang besar, keinderaan2 yang baik, makanan2 yang baik untuk seluruh pengikut Partai Ra'ayat sa-hingga tuan2 telah tuli dan buta dari pada melihat keadaan yang benar. Bahkan dengan sa-keping gambar “Kepala Banting” tuan2 sanggup membayar berpuluh2 ringgit kerana hendak

mendapatkan hasil yang di-janjikan oleh Partai Ra'ayat yang berganda2 itu apabila mereka berkuasa.

Mereka menyatakan kapada tuan2 bila Partai Ra'ayat akan menang, dan berjaya merampas kuasa, tuan2 akan di-beri pangkat yang baik dan di-beri kehidupan yang baik dalam mana tuan2 telah di-tipu mereka.

Mereka mengatakan bahawa mereka akan menjadikan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan menjadi raja yang berdaulat dengan perlembagaan ka-atas Negeri Brunei, Sabah, dan Sarawak dan nama Duli Yang Maha Mulia telah di-gunakan bahawa mereka menyatakan kapada tuan2 yang baginda telah bersetuju atas rancangan jahat yang di-ranchangkan oleh pemimpin2 Partai Ra'ayat itu.

APA-KAH MAKSUD-NYA?

Tuan2, tentu maseh ingat — tuan2 di-paksa memberi wang, memberi harta benda yang mereka katakan ini ada-lah untuk memberi hasrat-nya yang telah di-setujui oleh Duli Yang Maha Mulia. Betapa dusta-nya mereka ini, Betapa jahat-nya niat pemimpin2 Partai Ra'ayat ini. Tuan2 di-bawa-nya ka-jalan sesat.

Tetapi apa-kah maksud-nya? Yang sa-benar-nya ia-lah merampas kuasa Duli Yang Maha Mulia dan membunuh Duli Yang Maha Mulia serta kerabat2 Duli Yang Maha Mulia, dan juga pembesar2 yang ta'at setia serta ra'ayat yang ta'at kapada Duli Yang Maha Mulia.

Semua ini telah di-ranchangkan oleh mereka, supaya orang2 itu di-bunuh dan di-sangsarakan oleh Partai Ra'ayat. Dengan jalan itu pemimpin2 Partai Ra'ayat akan berkuasa dan akan menipu tuan2 sekali lagi di-mana pemimpin2 Partai Ra'ayat akan menjadikan diri mereka President dan Menteri2 Penderhaka ia-itu sa-sudah mereka berjaya membunuh Duli Yang Maha Mulia. Tetapi Allah Subahanahu-Wa-ta'ala tetap berdiri di-atas yang benar.

D.Y.M.M. SA-ORANG RAJA YANG ALIM

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-orang Raja yang alim, sa-orang Raja yang sentiasa pengasih dan penyayang kapada ra'ayat-nya. Baginda dengan kurnia Allah Subahan-nahu-wa-ta'ala maseh tetap berada dengan ra'ayat-nya yang ta'at setia dan sekarang bersedia memimpin ra'ayat-nya ka-jalan yang di-izinkan Allah yang memang menjadi chita2 Duli Yang Maha Mulia.

Sa-sudah pertemporan ini terjadi, siapa-kah yang menerima azap sengsara-nya? Bukan ha-nya orang ramai yang azap sangsara dan beratus2 yang telah mati terkurban dan beribu2 orang yang azab sangsara yang di-sebabkan oleh angkara niat jahat dari pemimpin Partai Ra'ayat dan Angkatan Tentera National Kalimantan Utara dan beribu2 kanak2 kechil yang tidak berdosa sangsara bekuaran- ngan susu menagis siang dan malam malah ra'ayat yang kechil kapada Duli Yang Maha Mulia; tetapi anak2 dari pemimpin2 Partai Ra'ayat dan Kuncho2-nya serta Komando2 daripada Tentera National Kalimantan Utara anak2 mereka ini; pada masa ini banyak yang sangsara dan isteri2 mereka ada-lah berdukachita memandang anak kechil-nya menjadi yatim piatu. Sa-lain daripada kesangsaraan ini malahan banyak lagi yang menyebabkan keselamatan ra'ayat di-negeri ini sangsara dan azab akibat dari perbuatan2 Partai Ra'ayat yang menganjurkan penderhakaan ini.

D.Y.M.M. CHINTAKAN RA'AYAT

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang sentiasa memikirkan kebajikan ra'ayat-nya masa ini tidak mengira siang malam, tidak mengira kesenangan-nya — Duli Yang Maha Mulia sendiri pun terpaksa menerima kesangsaraan ini, tetapi baginda tetap sabar dan bertuakal kapada Allah dengan niat-nya yang sentiasa chintakan ra'ayat-nya dan terus berusaha untuk mengembalikan keamanan dan kema'amoran bagi faedah ra'ayat-nya, bukanlah untuk faedah baginda dan kerabat2 baginda.

Tuan2 sidang pendengar yang di-hormati sekalian serta semua pengikut2 Partai Ra'ayat mahu pun yang hanya bersimpati atau apa lagi yang sudah menyang- dang senjata dan menjadi penderhaka, insaf-lah, dan bertaubat-lah, kembali-lah ka-jalan Allah ia-itu jalan yang di-izinkan oleh Allah. Insaf-lah dan sedar-lah.

Tahu-kah tuan2 sa-sudah penderhakaan ini terjadi, beratus2 anak yatim telah tinggal, beratus2 malahan beribu2 janda yang sangsara dan beribu2 lagi ra'ayat yang lain yang tidak berdosa sama2 menerima azab sangsara dan kesusahan2.

Semua-nya ini ada-lah dari perbuatan jahat yang di-anjurkan oleh pemimpin2 Partai Ra'ayat dan Ahli2 Angkatan Bersenjata-nya ia-itu “Tentera National Kalimantan Utara.” Berhenti-lah dari meneruskan chita2 jahat dan yang di-kutuk Allah itu, letakan-lah senjata dan segera-lah menyerah diri.

Janji2 yang di-beri oleh Pemimpin2 Partai Ra'ayat itu ada-lah janji2 palsu yang menipu tuan2. Tahu-kah tuan2 dan sedarkan tuan2 bahawa tujuan mereka hendak membunuh Raja tuan2, hendak membunuh kerabat Duli Yang Maha Mulia, —hendak membunuh pembesar2 Duli Yang Maha Mulia? Tetapi apa akibat2-nya? Tuan2 juga yang tinggal sangsara, tuan2 juga dan rakan tuan2 juga yang tinggal menderita dan menerima akibat-nya.

DI-MANA-KAH AZAHARI DAN ZAINI SEKARANG?

Di-mana Azahari sekarang? Dan di-mana Zaini anak Orang Kaya Shabbandar itu sekarang? Kedua2 mereka ini senang lenang tinggal di-hotel di-sabwah negeri yang luar dari kawasan British Commonwealth.

Mereka bersuka-ria dengan wang tuan2 yang telah di-bawa mereka lari-mereka bersenang-lenang melihat talivishen dan bersuka-ria dengan bermacam2 kesukaan yang di-dapat di-negeri itu. Ini semua-nya wang tuan2 yang telah di-gunakan untuk kesenangan mereka sendiri.

Dan kedua2 mereka ini-Sheik Azahari keturunan Arab dan Zaini ada-lah bukan menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan. Dengan sebab itu-lah mereka dan kawan2 mereka dengan mulut manis telah menipu tuan2 supaya menerima perjanjian yang sia2 ini.

(Lihat Muka 8)

KERAJAAN BRUNEI MULAKAN

Ranchangan Perbantuan Bagi Ra'ayat

\$ 2,028,675 Untuk Pembinaan Jalan2 Raya dan Jalan2 Kechil

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah mengumumkan pada 27 Desember, 1962 untuk memulakan satu ranchangan perbantuan bagi ra'ayat yang memerlukan bantuan yang tinggal di-kampung2 yang terpenchil di-dalam Negeri Brunei.

Perbantuan itu berupa makanan, barang2 dan wang, akan di-susun kelak oleh Pegawai2 Daerah.

Menurut kenyataan yang diterbitkan oleh Jawatan Kuasa Kerja Darurat pada petang 27 Desember, butir2 mengenai ranchangan perbantuan selanjutnya akan di-umumkan kelak.

Jawatan Kuasa tersebut, dalam meshuarat-nya, telah mengarahkan bahawa sa-bahagian projek di-bawah Ranchangan Perkembangan Kebangsaan Lima Tahun itu akan di-mulakan segera untuk membolehkan pelaksanaan kerja2 di-kawasan2 luar bandar.

Perlaksanaan projek itu adalah di-anggap juga untuk memberi pekerjaan kepada ra'ayat.

Projek2 yang akan segera dilaksanakan itu, sa-bahagian be-

sar daripada-nya ada-lah meliputi kerja2 memperbaiki jalan2 raya yang ada, serta menambahkan pembinaan-nya dan pembinaan jalan2 kechi untuk memberi kemudahan kepada orang2 yang tinggal di-kampung2 yang terpenchil di-Daerah2 Tutong dan Temburong.

Bagi projek ini, maka Kerajaan telah meluluskan perbelanjaan sa-banyak \$2,028,675.

Lebeh lanjut Jawatan Kuasa Kerja Darurat itu berkata bahawa ranchangan berkenaan dengan jalan2 raya di-Daerah Belait akan di-beri tahu kelak.

Ra'ayat Sulu Bertimbang-Rasa Terhadap D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menerima sa-puchok surat dari Datu Mohammad Julaspi Sultan Hadji Mohamad Jemalul Kiram dari Wilayah Sulu, Philipina menyatakan bahawa ia berasa dukachita di-atas kejadian penderhakaan yang telah berlaku di-Negeri Brunei baharu2 ini.

Datu Mohammad Julaspi ialah saudara sapupu kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Datu Mohammad berdo'a samoga Allah lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan serta Allah selamatkan negara Kerabat Diraja dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia.

Kandungan surat tersebut adalah kita siarkan di-bawah ini:

"Beta mengambil peluang menulis warkah ini, dengan perasaan yang dukachita, di-atas kejadian yang tidak di-sangka2, yang telah berlaku, yang telah menimbulkan perasaan yang tidak senang hati, kepada ra'ayat Saudara Beta, akibat dari anjoran bedebah AZAHARI, dan kumplut-nya, siapa juga, bukan menjadi warga negara Saudara Beta, dan kejadian itu ada-lah kejadian yang tidak boleh di-ampunkan.

Ra'ayat Beta, baik pun kaum muslimin atau kaum kristian, ada-lah bersimpati dengan saudara Beta. Pertolongan yang hanya Beta dapat berikan, ia-lah berdo'a kahadzrat Allah, semoga

dengan pertolongan tentera2 Kerajaan Baginda Queen, Saudara Beta sentiasa akan berada di-dalam perlindungan, dan pelihara'an Allah.

Ra'ayat dan Beta, sangat menghormati Kerajaan Saudara Beta Sultan Brunei, dan sentiasa perchaya, bahawa Saudara Beta akan memerintah negara saudara Beta dengan aman dan sentosa. Saudara Beta, Beta berdo'a moga2 kejadian yang telah berlaku itu, akan dapat di-hapuskan dengan serta merta, dan keamanan dan kema'moran dalam negeri, akan dapat kembali seperti sedia kala, dan Saudara Beta akan dapat memerintah selama2-nya.

Dengan ucapan tahniah, dan sa-tinggi2 terima kaseh di-atas kerjasama yang telah di-beri oleh tentera Baginda Queen, dan mudah2an Allah selamatkan negara, dan ra'ayat Saudara Beta, serta Kerabat Di-Raja dan Beta berdo'a, Allah lanjutkan usia Saudara Beta."

Datu Mohammad Julaspi Sultan Hadji, Mohamad Jamalul Kiram.

D.Y.M.M. MEMIKIRKAN KEBAJIKAN RA'AYAT

(Dari Muka 7)

Dari itu, insaf-lah dan sedar-lah—bertaubat-lah, kembali-lah ka-jalan yang benar dan beri-lah kerjasama kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa mengingati kebajikan dan kema'moran untuk faedah seluroh ra'ayat di-Negeri Brunei ini.

Memang telah menjadi chita2 Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan-nya untuk memberi kebajikan kepada seluroh ra'ayat-nya dan untuk menjadikan Negeri Brunei ini sa-buah negeri yang aman ma'amor dan mempunyai pentadbiran Kerajaan yang berdasar demokrasi.

Sa-bagaimana yang tuan2 telah ketahui, langkah pertama yang di-buat oleh baginda dengan Mengadakan Pilehan Raya untuk memilih wakil2 ra'ayat dudok di-Majlis Mashuarat Negeri—Yang Mana langkah kedua akan dapat di-teruskan-nya untuk menjadikan Majlis Mashuarat Negeri itu di-wakili penuh oleh seluroh ra'ayat yang di-pilih.

Tetapi dengan sebab hasrat iblis yang merasok di-hati pemimpin2 Partai Ra'ayat, mereka tidak sabar lagi, mereka dahagakan kesenangan, dahagakan pangkat besar hendak menjadi "President", hendak menjadi "Perdana Menteri" hendak menjadi "Menteri2" malah hendak menguasai seluroh kesenangan dalam negeri ini walau pun mereka itu hanya orang yang pandai membaca dan menulis 'alip bungkok' — kata

orang—dan tidak mengetahui selok2 politik yang mendalam.

Mereka tidak sabar dan tidak perchaya akan Raja-nya, malah mereka menipu tuan2 supaya bangkit menderhaka dan menjahanamkan Negeri Brunei dengan jalan membunuh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan pembesar2-nya.

Tetapi Allah Ta'ala sa-bagaimana yang saya katakan dan menjadi keperchayaan kita sekalian, tetap berada di-bahagian yang benar.

Dengan sebab itu, kembali-lah dan sedar-lah bahawa Rafe-tuan2 ada-lah Raja-yang sentiasa sayang dan chintakan ra'ayat-nya yang berchita2 membimbing keamanan dan keselamatan pada sekalian ra'ayat-nya.

Wahai ra'ayat yang ta'at setia. Mari-lah kita bersama2 mengembalikan keamanan dan kesentosaan serta kema'moran Brunei ini supaya dapat kita nikmati kembali seperti yang telah kita rasai bertahun2 dahulu.

Beri-lah tahu kepada pehak yang berkuasa jikalau di-dapati ada di-rumah tuan2 atau di-kampung tuan2 bahawa maseh ada lagi kaum2 penderhaka itu menyembunyikan diri-nya.

Nasihatkan-lah mereka supaya meletakkan senjata dan menyerahkan diri supaya Brunei Darus-Salam ini kembali ka-asal sediakala ia-itu Brunei aman dan ma'amor, Brunei yang kita chinta."

Pasokan Maktab S.O.A.S. Menang

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Bola Sepak Champoran Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan bekas penuntut2 maktab itu telah mengalahkan Pasokan Bola Sepak Ibu Pejabat 99 Gurkha Infantry Brigade Group dengan 7 gol tidak berbalas sa-chara persahabatan dipadang Bandar Brunei pada petang hari Khamis yang lalu.

Pemain2 yang telah menjaringkan gol bagi pasokan tempatan ia-lah Zainuddin Marsal — 2 gol, Ak Mohamed Don—2 gol, Husain Mohamad, Hanafiah dan Zainal Abidin—1 gol sa-saorang.

Sementara itu pasokan tempatan yang tersebut telah mengalahkan Defence Platoon H. Q. 99, Gurka Infantry Brigade dengan 76 mata berbalas 38 mata dalam perlawanan bola keranjang pada petang hari Juma'at yang lalu.

Perlu di-sebutkan bahawa Staff Sergeant Instructor Bridgart dari Army Physical Training Corps yang berkhidmat sa-bagi juru-lateh hal ehwal sukan kepada 99 Gurkha Infantry Brigade Group telah berusaha bagi pasokan tentera itu untuk mengadakan perlawanan2 bola sepak dan bola keranjang tersebut dengan pasokan tempatan.

PENJELASAN HATI KA-HATI MENGENAI DARURAT DI-BRUNEI

Oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali

BANDAR BRUNEL. — Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah memberi satu ucapan di-Radio Brunei baharu2 ini mengenai keadaan darurat di-Negeri Brunei.

Oleh kerana ucapan itu mustahak di-ketahui oleh penduduk2 negeri ini yang ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, kita siarkan dengan sa-penoh-nya ucapan itu seperti berikut:

"Saudara2 ra'ayat negeri Brunei yang di-kasehi,

Saudara2 tahu waktu saya berchakap ini negara kita yang di-chintai sedang di-dalam ke-chemasan dan kesusahan ia-itu hasil dari penderhakaan dan pemberontakan bersenjata oleh sa-kumpulan ra'ayat kita yang di-asut dan di-tipu oleh beberapa penganjor yang tidak bertanggung jawab, untuk menchapai chita2 besar mereka yang mereka sendiri sahaja tahu. Sila-lah tuan2 dan saudara2 raayat sakalian mendengar sedikit penjelasan hati kahati dari saya kepada saudara2 saya ra'ayat Brunei sa-luroh-nya.

Lebeh dahulu saya hendak menyampaikan kepada tuan2 ia-itu dengan berlaku-nya penderhakaan ini beratus-ratus nyawa ra'ayat dan umat Islam telah terkorban. Siaya-kah pembunuh2 yang telah membunuh saudara2 umat Islam dan bangsa kita sama kita? Pembunuh2 itu ia-lah penderhaka2 dari ra'ayat yang menyangka atau mengaku diri-nya orang2 yang beragama Islam dan ber-Iman kepada Allah.

ZAMAN BERZAMAN

Sejak zaman ber-zaman kita umat Islam ra'ayat Brunei patoh kepada Allah dan menjunjung tinggi ugama Islam, berbudi bahasa sopan dan halus menurut pengajaran Islam, menghormati dan memuliakan rumah2 'ibadah dan kita ada-lah mendidik anak2 kita dengan didikan dan asohan Islam.

Siapa-kah penganjor2 penderhakaan dan pemberontakan ini? Orang2 itu kita kenal sebagai orang2 yang jarang2 sekali meletakkan dahi-nya ka-tikar menyembah Allah. Orang2 inilah dengan lidah2 yang lemak manis menghasut dan memaksa — kunon-nya untuk Raayat, Negara dan Bangsa — supaya bersumpah dengan nama Allah dan pegang Quraan dan bermacam2 nama kemuliaan Islam, untuk apa? Untuk membunuh umat Islam, untuk membunuh ra'ayat yang berkhidmat dengan Kerajaan, untuk menghanchorkan pembangunan negara kita yang sedang di-majukan dengan pesat-nya dari

kekayaan negara kita yang Tuhan kurniakan kepada kita sakalian, dan apabila chita2 mereka berhasil, maka negara Brunei Darus-salam ini akan diperintah oleh orang2 jahil, fasik dan ganas untuk memuaskan nafsu besar mereka.

KEMULIAAN UGAMA

Nama Allah dan kemuliaan Ugama Islam telah di-chemarkan oleh penganjor2 fasik itu dengan menjadikan Nama2 yang Suchi dan Mulia itu alat untuk tujuan ganas dan membunuh dan menumpahkan darah manusia. Ada-kah wajib kepada orang2 Islam yang terlibat menjadi pengikut2 penderhakaan itu akan ta'at dan patoh kepada sumpah2 mereka? Jawab-nya tidak wajib mereka ta'at kepada sumpah yang salah atau meneruskan perbuatan yang di-haramkan oleh Allah dan Rasul-nya dan kerja ganas dan sesat yang di-kutok oleh Allah, oleh Malaikat2 dan di-kutok oleh Roh Nabi2 dan Wali2 Allah dan Umat Islam seluruh-nya, kerana perbuatan derhaka dan menumpahkan darah ada-lah di-haramkan dengan keras dan tegas oleh ugama Allah Yang Maha Suchi.

Ugama Islam dasar-nya ta'atkan Allah dan Rasul, berurus dengan pikiran yang tenang dan bijak menchari jalan2 kemuliaan dan kemerdekaan dan kebahagiaan bagi raayat dan negara. Saya mau bertanya: Ada-kah Islam menganjorkan pertumpahan darah, membakar harta benda dan membunuh sa-sama raayat dan orang Islam? Anjoran menggunakan kekerasan dan pembunuhan ini terbit-nya dari Shaitan dan orang2 yang mengikut jalan Shaitan ia-itu orang2 yang tidak setia kepada Allah.

Ada-kah kita ra'ayat Islam ini akan menurut penganjor2 sesat yang akan menghanchorkan ugama dan membinasakan negara? Wahai saudara2 ra'ayat sakalian, Masa ini di-hadapan kita sudah terbentang jalan menuju kepada Kemerdekaan Penuh dan Kebahagiaan dengan jalan perundingan dan permufakatan, mengapa harus dipilih jalan sesat dan pertumpahan darah? Yang sabenar-

nya penganjor2 sesat itu takut menghadapi jalan aman dan maufakat kerana harus mereka tidak ada tempat atau tidak sa-chuchok dengan jiwa besar mereka yang di-pimpin oleh Shaitan itu. Shaitan suka jalan gelap dan durhaka tetapi Allah memerintahkan supaya kita berurus dengan jalan aman damai dan terang-terangan.

Sekarang ini saudara2 telah dapat melihat sendiri dan merasa sendiri akibat dari menurut jalan asutan Shaitan yang menyesatkan itu. Anak terbunuh, Bapa terbunuh, adek terbunuh, abang terbunuh, suami berpisah dari isteri dan anak dari ayah dan darah orang2 yang tidak berdosa telah mengalir membasah bumi oleh angkara murka beberapa kerat penganjor yang tidak bertanggung-jawab itu, mereka telah sesat dari panduan ugama dan sesat dari menyedari peri kemuliaan Kebangsaan kita yang sabenar2-nya.

ANAK2 YATIM KEHILANGAN AYAH

Kalau saudara2 bermenong agak sabentar sekarang ini, saudara akan nampak bukan sahaja pembunuhan dan penderhakaan itu telah menghanchorkan chita2 pembangunan bangsa kita dan kegembiraan bangsa kita dan kegembiraan dalam negara kita tetapi ternampak oleh kita akan nasib anak2 yatim bangsa kita yang telah kehilangan ayah dan abang. Bagaimana hal pelajaran, pakain dan nafkah hidup mereka. Redza-kah kita menyokong penderhakaan yang membunuh ayah dan anak kita, menyebabkan anak chuchu kita akan tinggal dengan tidak ada perlindungan untuk bersekolah dan jadi orang2 yang bijak pandai untuk mengator negara kita masa hadapan?

Saudara2 ra'ayat Brunei, khas-nya umat Islam Brunei,

Ada antara umat Islam kita yang telah tertipu atau terpengaruh oleh Shaitan. Kepada mereka, di-mana juga mereka berada di-laut—di-darat atau di-hutan2, saya hendak menjelaskan bahawa Allah tidak menyertai atau menolong orang2 yang derhaka dan membunuh sesama manusia. Kepada pemuda2 yang derhaka dan membunuh sesama manusia. Kepada pemuda2 yang terikut2 dalam pekerjaan bodoh dan sesat itu saya menasehatkan: Pemuda harapan bangsa dan negara jangan-lah membuang jiwa pada jalan yang salah. Negara kita maseh memerlukan tenaga dan khidmat pemuda2-nya yang in-

saf dan patoh kepada jalan ke'adilan, kasejahteraan dan yang bertanggung jawab untuk memajukan negara.

Kalau saudara2 sudah bersumpah dengan nama Allah untuk membuat kerja pembunuhan dan penderhakaan maka Allah maha suchi dari kesesatan dan keburokan, sumpah saudara2 pada jalan salah itu tidak diridzai Allah dan tidak-lah wajib saudara2 berpegang lagi kepada sumpah itu, kerana penganjor2 sesat itu baharu beberapa hari yang lalu mengangkat sumpah dengan nama Allah untuk ta'at Setia kepada Raja kita Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan, sekarang mereka telah pechahkan sumpah itu dengan chuba membunuh Duli Yang Maha Mulia. Saudara2 ra'ayat Brunei, ini-lah penjelasan hati ka-hati dari saya kepada saudara2: Bahawa kita ini raayat yang tahu arti kemuliaan bangsa dan ugama dan kita setiap masa ada-lah berkerja untuk kemerdekaan dan kemuliaan bangsa dan ugama. Tidak ada ra'ayat yang tahu arti kemuliaan diri yang tidak chintakan kemerdekaan dan kebahagiaan bangsa dan negara, tetapi kita perchayakan jalan aman dan maufakat dan kita tidak perchayakan jalan ganas dan menumpahkan darah manusia dengan tidak chukop sebab2 yang di-izinkan Allah.

Saudara2 ra'ayat sakalian, Saudara2 yang telah tersesat di-mana2 juga saudara berada. Saudara2 maseh belum terlambat lagi untuk bertaubat kepada Allah dan pulang ka-jalan yang benar jika saudara2 benar2 chintakan bangsa, negara dan ugama. Jika saudara chintakan kebahagiaan anak-chuchu di-masa hadapan keluar-lah dan balek-lah ka-pangkuan negara dan kaum keluarga saudara dan serah diri dan nasib kepada pehak yang berkuasa yang saudara2 boleh mendapat jaminan perkara saudara2 itu akan di-uruskan dengan 'adil dan saksama. Chita2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda ia-lah kemerdekaan dan kebahagiaan ra'ayat dan negara dengan jalan bijak dan berperlembagaan bukan dengan kejahilan dan pertumpahan darah yang sia sia.

MARI-LAH MEMBANTU KERAJAAN

Kalau negara kita yang ra'ayat-nya memang sudah kecil bilangan itu akan membunuh dan terbunuh, kalau pun negara mendapat kemerdekaan apakah kebajikan bagi raayat dan apakah yang dapat di-buat oleh

(Lihat Muka 10)

D.Y.M.M. Mengishtiharkan Perintah2 Darurat

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, telah mengishtiharkan Perintah2 Darurat yang berjalan kuat kuasa-nya mulai daripada 12 Desember, 1962.

Mengikut perintah ini ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-saorang membawa senjata api atau ubat bedil dengan tiada ada kebenaran. Sa-saorang itu boleh di-jatuhkan hukuman mati kerana kesalahan ini. Dan lagi jika sa-saorang itu membawa atau menyimpan atau ada di-dalam jagaan-nya sa-barang senjata yang merbahaya sa-lain dari senjata api untuk sa-suatu tujuan yang haram boleh, jika ia di-dapati salah, di-hukum penjara tidak lebeh daripada dua tahun.

Memaksa, mengutip atau menerima barang2 perbekalan untuk penderhaka2 ada-lah menjadi satu kesalahan juga yang boleh menerima hukuman penjara sa-lama 10 tahun. Sa-siapa yang di-dapati menyimpan barang2 perbekalan atau memberi barang2 itu kepada penderhaka2 ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-penjarakan sa-lama 3 tahun. Yang di-maksudkan dengan 'Perbekalan' di-sini termasuklah wang, makanan, minuman, pakaian dan ubat2an.

Sa-saorang yang di-dapati salah kerana tidak memberi ma'alumat kepada Polis atau pehak berkuasa berkenaan dengan penderhaka2 akan di-jatuhkan hukuman penjara sahingga 3 tahun lama-nya.

Orang2 yang di-jumpai menyimpan surat2 dokument subversib boleh di-hukum penjara sampai 10 tahun. Surat2 dokument subversib termasuklah sa-barang dia'ayah, sa-barang permintaan atau paksaan bayaran yuran atau derma serta sa-barang perutusan atau perhubungan dari atau kepada penderhaka2.

Perintah Darurat itu juga mewajibkan barang sa-siapa yang menerima surat2 subversib atau bendera2 yang di-tegaskan, lenchana atau pingat daripada penderhaka2 hendaklah menyerah barang2 ini dengan tidak lengah lagi kepada mana2 Pegawai Polis. Jika tidak di-buat demikian hukuman penjara sa-

hingga 3 tahun akan di-kenakan kepada mereka itu. (Di-dalam satu Perishtiharan yang di-buat oleh Dato Menteri Besar baharu2 ini, lenchana Partai Ra'ayat yang memakai tanda kepala kerbau serta bendera dan pingat Partai itu telah di-haramkan).

Menteri Besar ada-lah di-beri kuasa mengeluarkan perintah supaya di-tangkap atau di-tahan sa-lama 2 tahun sa-saorang yang di-shakki mengambil bahagian di-dalam gerakan subversib atau haram.

Orang2 asing yang di-tahan boleh di-suruh keluar dan tinggal di-luar negeri ini.

Perintah itu juga memberi kuasa kepada pasokan2 keselamatan menangkap dan memeriksa sa-saorang atau kereta kenaikan dengan tidak payah mempunyai waran. Sa-masa menjalankan tindakan ini mereka boleh menggunakan senjata.

Sa-saorang Pegawai yang mengetuai sa-sabuah Daerah Polis boleh merampas dan menduduki bangunan2 yang di-punyai atau di-duduki oleh penderhaka2.

Tindakan ini hendaklah men-

dapat pengesahan Menteri Besar.

Ada-lah di-tegaskan bahawa langkah2 yang telah di-ambil ini di-dapati sangat-lah mustahak untuk penderhaka2 ada-lah menyangkut ada sekarang akibat dari penderhakaan yang di-mulakan oleh anasir2 yang tidak mempunyai ta'at setia yang bertujuan hendak menggulingkan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan chara kekerasan.

Kerajaan tidak berhajat sama sekali hendak menyusahkan ra'ayat dengan mengadakan Perintah2 Darurat ini, dan perintah ini akan di-batalkan sakira-nya dan apabila di-dapati ia-nya tidak mustahak lagi.

Jika ra'ayat semua memberi kerjasama mereka dengan chara enggan memberi sa-barang pertolongan kepada penderhaka2 itu dan sa-balik-nya memberi ma'alumat berkenaan dengan penderhaka2 itu maka sudah tentu-lah perbuatan ini akan menchecepatkan pemulihan keamanan dan kesentosaan di-negeri ini yang demikian itu chepat-lah juga tiba masa yang boleh di-batalkan Perintah2 Darurat ini.

PENJELASAN HATI KA-HATI

(Dari Muka 9)

ra'ayat yang serba tidak berkechukupan itu? Saudara2 ra'ayat yang ta'at setia dan insaf. Kita telah berkerja kuat untuk menchapai chita2 kemuliaan dan kemerdekaan dan chita2 kita itu sudah pun berada di-muka pintu chuma sa-langkah dua sahaja lagi kita akan masuk kepadanya. Mari-lah kita kerahkan seluruh tenaga ra'ayat berkerja menyediakan diri supaya layak memikul tanggung jawab yang besar itu dengan menurut jalan yang bijak dan ilmu pengetahuan. Jangan-lah lagi terjadi kesusahan dari sebab jahil politik dan jahil pimpinan membawa porak peranda ra'ayat dan negara. Mari kita membantu Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan untuk menuju ka-Mutalamat yang di-chita2kan. Di-tangan ra'ayat yang insaf-lah letak-nya pembangunan Kebangsaan yang tulin bagi faedah Bangsa dan negara kita. Di-dalam satu dunia yang gelisah hari ini tidak ada jalan lain yang boleh menteramkan jiwa dan fikiran manusia melainkan kembali ka-jalan Allah.

Kepada ra'ayat yang insaf dan Setia, saya berseru, letakkanlah kepercayaan saudara2 kepada pimpinan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan di-sertakan pula dengan memberi kerjasama yang penuh, bukan dengan kata2 tetapi dengan 'amal, insaha Allah kita ra'ayat tidak akan menyesal di-belakang hari. Kepada Pegawai2 Kerajaan saya memberi sepatah kata: Tuan2 ia-lah jentera Kerajaan yang berkhidmat kepada negara dan ra'ayat untuk membangun kema-

juan negara dengan pertadbiran yang chekap dan patoh. Tuan2 tidak boleh ragu2 atau takut2 dalam menjalankan kewajipan tuan2 dan tidak harus terpengaruh oleh orang2 atau partai2 politik. Kalau tuan2 tidak patoh kepada kewajipan yang ditugaskan oleh Kerajaan berarti tuan2 mengkhianati negara dan ra'ayat dan juga melambatkan kemajuan negara tuan2 sendiri.

Saudara2 ra'ayat Brunei yang di-kasehi,

Semuga kata2 penjelasan ini boleh membayangkan kepada saudara2 kedudukan suasana negara dan harapan negara kita chara ringkas dan semuga tahu-lah saudara2 bahawa perbuatan ganas dan penderhakaan dan menumpahkan darah yang telah di-lakukan oleh orang2 yang sesat politik dan sesat kemanusiaan itu membawa i'tibar dan ingatan kepada kita sakalian bahawa manusia harus pikirannya chara manusia juga dan jalan kekerasan bukan-lah chara kemanusiaan. Kekerasan membawa rasa benchi-membenchi dan kebinasaan bagi ummat manusia, apatah lagi di-kutok dan di-benchi oleh Allah subhanahu-wa-ta'ala. Mari-lah kita berusaha memperbaiki kesalahan dan kerosakan yang telah berlaku itu dengan memberi tenaga dan kerja yang bersungguh2 menurut jalan yang diterima oleh 'akal yang waras dan di-ridzai oleh Allah.

Mudahan2 Allah memberi taufik dan hidayah-nya kepada ra'ayat dan ummat Islam saharoh-nya, amin."

Akibat Penderhakaan Di-Brunei

(Dari Muka 3)

mulia telah hanchor dan musnah di-sebabkan oleh perbuatan dan niat jahat pemimpin Partai Ra'ayat Shaikh Azahari dan kawan2-nya.

Tahu-kah tuan2 bahawa perbuatan sia2 itu telah di-kutok oleh Pemimpin2 dan manusia yang chintakan keamanan sahingga SUPP di-Sarawak ia-itu kawan baik Partai Ra'ayat telah mengutok juga penderhakaan itu.

Begitu juga Naib President Philippina telah mengutok sa-tengah daripada pemimpin Philippina yang telah memberi kerjasama kepada Shaikh Azahari ia-itu kepala penderhaka, yang mana dasar itu ada-lah berlawanan dengan dasar Kerajaan Philippina. Dan negeri2 yang berjiran dengan kita yang bersimpat dengan azab sangsara kita telah pun menyatakan ucapan shukur-nya kepada Duli Yang Maha Mulia dan mengutok perbuatan mendarhaka pemimpin Partai Ra'ayat.

Kedua2 pemimpin Partai Ra'ayat yang berada di-luar negeri itu telah tidak mempunyai passport sah. Kedua2 passport mereka itu telah di-tarek oleh Kerajaan British dan mereka tidak di-beri visa kemana2 oleh sebab mereka tidak mempunyai passport. Sedang sementara itu ra'ayat Sabah dan ra'ayat Sara-

wak yang tidak dan memang tidak mengakui Shaikh Azahari membawa suara dari mereka—Pemimpin2 Sarawak dan Sabah mengutok sa-kerasa-nya akan perbuatan yang di-kutok Allah yang di-anjarkan oleh Azahari itu. Dan Peguam-nya Osmena sendiri pun ta'sanggup meneruskan jasa-nya, malah menasehatkan Azahari—segera-lah kembali ka-Brunei.

Wahai ra'ayat yang tetap beriman! Bertaubat-lah, insaf-lah dan kembali-lah ka-jalan yang di-izinkan oleh Allah. Pelihara-lah anak2 kechil yang sentiasa menangis, berkehendakan nyawa supaya hidup supaya menchuba menikmati dan asohlah kaum wanita yang sentiasa berkehendakan perlindungan daripada kita yang menchintai keamanan dan kesentosaan. Tenteramkan-lah hati orang2 yang tidak berdosa dan selamatkan-lah keamanan Negeri Brunei hanya ini-lah negeri kita, hanya-lah ini Tanah ayer kita dan hanya kita-lah juga ra'ayat negeri ini. Tidak ada nama yang lain melainkan kita adalah berjiran antara satu dengan lain.

Berhentikan-lah perbuatan yang dahashat yang membunuh saudara sa-sama saudara dan rujuk-lah kembali supaya kita hidup aman dan sentosa."

Dengan izin Allah Penchubaaan penderhakaan di-pertahankan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah bahawa dengan izin Allah, penchubaaan yang telah di-lakukan ka-atas negeri ini oleh penderhaka2 dari "Tentera Nasional Kalimantan Utara" itu telah dapat di-pertahankan oleh Pegawai2 Kerajaan yang ta'at setia kepada Kerajaan dan negeri mereka.

Baginda telah bertitah sademikian ketika menjawab satu pertanyaan yang di-hadapkan oleh sa-orang Wartawan, sabuah akhbar luar negeri kepada Baginda pada 12 Desember yang lalu.

Sa-lanjut-nya Baginda bertitah bahawa Insha Allah, Tuhan akan melindungi negeri ini daripada perbuatan pengkhianatan yang tidak di-ingini dan yang sangat2 keji itu.

Tidak-lah akan memberikan bekas, sambong Baginda, bahmenambahkan keperchaan Baginda bahawa Allah ada-lah sentiasa di-pehak yang benar dan kebenaran akan tegak di-atas runtohan2 yang di-lakukan oleh sa-siapa jua pun yang berniat jahat.

Duli Yang Maha Mulia telah memberitahu Wartawan tersebut bahawa dalam keadaan yang saperti ini memang ada berlaku

beberapa kejadian, tetapi kejadian2 itu banyak memberikan pelajaran dan kesedaran kepada Baginda dan ra'ayat yang ta'at setia kepada Baginda.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong mengadap D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Lebeh daripada 30 orang Penghulu2 dan Ketua2 Kampong telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada 17 Desember.

Mereka telah membaharui keazaman ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia dan memberi kesanggupan bahawa mereka akan bekerjasama dengan Kerajaan bagi memulehkan sa-mula keamanan dan ketenteraman dalam kampong masing2.

Menteri Besar Brunei mengharamkan penggunaan barang2 Partai Ra'ayat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'unah menggunakan kuatkuasa yang di-beri kapada-nya dibawah perintah Nombor Tiga dari Undang2 Darurat Tahun 1962 dengan mengharamkan penggunaan, pertunjukan dan penyimpanan bendera, lambang dan pakaian seragam Partai Ra'ayat Brunei yang di-haramkan itu.

Di-bawah perintah tersebut, membuat, menjual dan menjualkan barang2 tersebut ada-lah di-larang juga.

Perintah tersebut menjelaskan bahawa bendera Partai Ra'ayat Brunei itu ia-lah empat persegi dengan mengandungi dua bahagian panjang berwarna merah dan putih serta di-tepi-nya terdapat satu lenchana hijau berbentuk tiga segi.

Lambang partai tersebut ialah kepala banteng atau kepala seladang berwarna hitam dan putih.

Lenchana itu mengandungi huruf TNKU.

Di-bawah perintah tersebut ada-lah di-haramkan jika mengguna atau menunjukkan pakaian seragam atau "uniform" Partai Ra'ayat Brunei. Ini dijelaskan sa-bagai kemeja atau seluar berwarna hijau dan biru.

Duli2 Wazir, Chateria2, Pengiran2, Menteri2, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong mengulangi ta'at setia kapada D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, ia-itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahata Seri Maharaja Permaisuar Dato Paduka Haji Mohamed Hashim dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam; Yang Amat Mulia Chateria2, ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed; Pengiran2; Menteri2; Penghulu2 dan Ketua2 Kampong telah mengulangi lagi pengakuan ta'at setia terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Dalam satu perutusan kepada Baginda, mereka tersebut telah menyatakan kesanggupan untuk berkorban segala2-nya bagi membantu dan menyokong Baginda dan Kerajaan.

Mereka bersedia dan sanggup mengorbankan jiwa raga dan tenaga masing2 untuk membantu dan menyokong Baginda dalam tindakan menghancurkan penderhakaan di-negeri ini.

Mereka itu juga telah mengutok penderhakaan yang di-chetuskan oleh A. M. Azahari dan kunchu2-nya yang di-sifatkan mereka sebagai perbuatan menderhaka yang ter-sangat hina sa-kali.

Wazir2, Chateria2, Pengiran2, Menteri2, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong tersebut telah menyangkal da'waan Azahari bahawa penderhakaan di-Brunei ada-lah dengan kehendak ra'ayat dan mendapat sokongan dari sekalian ra'ayat Brunei.

Ini ada-lah palsu belaka kerana sa-dikit pun tidak ada kebenaran dalam da'waan tersebut. Hanya sa-dikit sahaja

dari penduduk2 negeri ini yang menyokong pemberontakan dan ini pun telah di-kelirukan dengan janji2 yang palsu yang dibuat di-bawah anchaman, kata lagi perutusan tersebut.

D.Y.M.M. Menggantungkan Perlembagaan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menggantungkan Perlembagaan Negeri Brunei yang di-ishtiharkan pada 29 September, 1959 menurut kuat kuasa Baginda dibawah Perlembagaan itu.

Duli Yang Maha Mulia juga telah membubarkan Majlis Meshuarat Negeri Brunei dan Majlis2 Meshuarat Daerah Brunei, Belait, Tutong dan Temburong mulai dari 21 Desember, 1962.

Sementara itu Duli Yang Maha Mulia telah membentok sa-buah Majlis Meshuarat Darurat yang di-pimpin oleh Baginda sendiri.

Majlis Meshuarat Darurat itu ada-lah mengandungi 4 orang ahli2 atas nama jawatan dan 10 orang ahli2 yang dilantik oleh Baginda sendiri.

Ahli2 atas nama jawatan itu terdiri dari Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Peguam Negara Brunei dan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.

Kaum China di-Brunei membaharui ta'at setia

BANDAR BRUNEI. — Sa-rombongan Ketua2 Kaum China di-Brunei telah mengadap Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada 19 Desember untuk membaharui ta'at setia Kaum China di-negeri ini kapada Duli Yang Maha Mulia.

Rombongan itu di-ketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Dato Temanggung Lim Cheng Choo.

Mereka telah mengutok penderhaka2 yang telah memberontak di-negeri ini dan menyatakan bahawa tindakan penderhaka2 itu untuk merampas kuasa negeri ini ada-lah satu perbuatan yang hina.

Kaum China di-Negeri Brunei, kata perwakilan tersebut telah dan akan ta'at setia kapada Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada sa-tiap masa.

Perintah Berkurong

BANDAR BRUNEI. — Pada masa perintah berkurong dikuatkuasakan, terusan atau jalan di-ayer dan sungai2 di-Brunei ada-lah termasuk dalam kawasan perintah berkurong.

Orang ramai di-seluruh Negeri Brunei ada-lah di-beri amaran bahawa sa-kira-nya mereka bergerak dengan menggunakan sampan2 atau sa-barang keinde-raan di-ayer, mereka akan ditembak.

Baginda Yang Di-Pertuan Agong Utus Kawat Kapada D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menerima sa-puchok kawat daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu memberi jaminan sokongan kapada Negeri Brunei dalam masa kechemasan ini.

Kawat itu telah di-terima oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada hari Ahad 9 Desember, seperti di-bawah ini:

“Seri Paduka Adinda Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, Brunei. Kekanda sangat terperanjat mendengar kejadian penderhakaan yang telah timbul di-Negeri Seri Paduka Adinda yang dilakukan oleh pengkhianat2. Kekanda bersukor ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata’ala yang telah melindungi Seri Paduka Adinda dan Seri Paduka Adinda Raja Isteri dan menyelamatkan Kerajaan Brunei. Kerajaan dan ra’ayat Tanah Melayu bersedia menyokong dan membantu Kerajaan dan ra’ayat Brunei.—Yang di-Pertuan Agong.”

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menjawab kawat tersebut dengan berkata antara lain bahawa Baginda sangat menghargakan atas tawaran dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang bersedia memberi sokongan dan bantuan kapada Kerajaan dan ra’ayat Brunei. Dengan izin Allah Baginda dan D.Y.M.M. Raja Isteri berada dalam keadaan selamat.

Duli Yang Maha Mulia Membentok Jawatan Kuasa Kerja Darurat

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah membentok sa-buah Jawatan Kuasa Kerja Darurat yang mengandungi enam orang anggota supaya membolehkan Kerajaan dengan segera memulehkan keadaan di-seluruh Negeri Brunei seperti sediakala.

Enam orang anggota itu ia-lah Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma’un (sa-bagai Pengerusi), sa-orang wakil Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Inche Othman bin Bidin, Inche George Newn Ah Foott, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali dan Inche W. I. Glass (Pegawai Kerja Darurat).

Jawatan Kuasa Kerja Darurat itu akan mempunyai kuasa untuk menguruskan semua perkara mengenai pemulehan dan mewujudkan semula kerja2 pemerentahan.

Jawatan Kuasa tersebut juga akan menguruskan beberapa banyak masaalah yang timbul dari peristiwa2 yang berlaku baharu2 ini di-Negeri Brunei.

Dalam persidangan-nya yang pertama pada 27 Desember, Jawatan Kuasa itu telah menim-
bangkan:

☆ Langkah2 memberi bantuan yang di-sebabkan oleh darurat khas-nya mengenai bantuan maka-

☆ nan dan lain2 bantuan. Projek kemajuan dan perkembangan luar bandar yang boleh di-lan-
charkan dengan seberapa segera.

☆ Chara2 menguatkan lagi alat jentera Kerajaan, sama ada di-Daerah2 atau di-Jabatan2 supaya dapat mengadakan pertadbiran dan perkhidmatan yang chekap kapada orang ramai.

Kerajaan Brunei telah menyediakan wang sa-jumlah sa-juta ringgit supaya dapat di-gunakan segera untuk tujuan2 yang tersebut.

SIARAN RADIO BRUNEI

SIARAN RADIO BRUNEI dalam bahagian2 Melayu, Inggeris dan China dari Radio Brunei di-Bandar Brunei pada tiap2 hari mulai dari 1 January, 1963 ada-lah seperti di-bawah ini:

Siaran pagi: 6.30 pagi ka-7.30 pagi — Siaran Bahagian Melayu. Warta berita dalam bahasa Melayu di-siarkan pada pukul 7 pagi.

Siaran tengah hari: 11.30 pagi ka-12 tengah hari — Siaran Bahagian China. Rengkas berita dalam bahasa China di-siarkan pada pukul 11.45 pagi.

12 tengah hari ka-12.30 tengah hari — Siaran Bahagian Inggeris. Rengkas berita dalam bahasa Inggeris di-siarkan pada pukul 12.15 tengah hari.

12.30 tengah hari ka-1.30 petang — (Pada tiap2 hari ke-chuali hari Juma’at) Siaran Bahagian Melayu. Warta berita dalam bahasa Melayu di-siarkan pada pukul 1 petang. Hari Juma’at sahaja siaran dalam bahagian Melayu di-mulai dari pukul 12.30 tengah hari ka-pukul 2 petang. Warta berita dalam bahasa Melayu di-siarkan pada tiap2 hari Juma’at pada pukul 1.30 petang.

Siaran petang dan malam: 5 ka-6.30 petang — Siaran bahagian China. Warta berita dalam bahasa China di-siarkan pada pukul 6 petang.

6.30 petang ka-8.30 malam — Siaran bahagian Melayu. Warta berita dalam bahasa Melayu di-siarkan pada pukul 8 malam.

8.30 ka-10 malam — Siaran bahagian Inggeris. Warta berita dalam bahasa Inggeris di-siarkan pada pukul 9 malam.

CHUTI KAKI-TANGAN KERAJAAN DI-BATALKAN

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan mengumomkan pada 18 Desember, 1962 bahawa semua chuti yang di-benarkan kapada Pegawai2 Kerajaan telah di-batalkan pada masa darurat ini.

Pegawai2 Kerajaan yang berchuti di-minta datang bekerja di-Pejabat masing2 dengan sa-chepat mungkin.

Sementara itu, menurut satu siaran lagi yang di-terbitkan pada 29 Desember, 1962 bahawa mulai dari tarikh itu dan sa-hingga pengumuman yang selanjut-nya di-beri tahu, semua Pejabat Kerajaan di-Negeri Brunei akan di-buka pada tiap2 hari dan kaki-tangan Kerajaan akan bekerja pada hari Juma’at dan atau hari Ahad.

Ketua2 Pejabat boleh membenarkan Pegawai2 Kerajaan tidak datang berkerja pada hari Juma’at dan hari Ahad disebabkan perlu bagi mereka menghadhiri upacara mengenai agama masing2.

SEKOLAH2 KERAJAAN CHUTI KIRA2 3 BULAN

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu dan Inggeris kepunyaan Kerajaan Brunei akan terus berchuti dalam masa darurat ini dan akan di-buka samula sa-lepas Bulan Puasa, boleh jadi pada 4 March, 1963.

Chuti penggal pertama bagi sekolah2 Melayu dan Inggeris Kerajaan Brunei dalam tahun 1963 tidak akan di-adakan dan semua sekolah2 itu akan terus di-buka seperti biasa pada masa chuti yang telah di-jadualkan itu.

Seruan Kapada Ahli2 T.N.K.U. Kembali-lah Ka-Jalan Yang Benar

Penderhakaan Tentera Nasional Kalimantan.

Utara telah gagal. Keamanan dan ketenteraman sedang di-pulehkan di-seluruh negeri ini. Ramai di-antara anggota2 Tentera Nasional Kalimantan Utara telah menyerah diri kapada pehak Kerajaan kerana mereka sedar yang mereka telah diperdayai dan di-tipu oleh ketua2 mereka yang khianat itu.

Sesiapa yang telah di-sesatkan hingga telah menderhaka melawan Kerajaan; yang telah insaf bahawa mereka telah di-tipu dengan janji2 palsu oleh pemimpin2 yang pengechut; dan yang sekarang berada dalam kelaparan, ketakutan dan kebimbangan JANGAN-LAH RAGU2 DAN BERLENGAH2 LAGI.

Keluar-lah sekarang supaya dapat kembali ka-jalan yang benar!

Datang-lah ka-Balai Pulis yang dekat sekali atau berhubung-lah dengan mana2 pasokan keselamatan.

Bawa-lah senjata kamu bersama2 pakaian seragam dan surat2.

Jangan-lah berlelah2 lagi.

Kalau menanggoih boleh menjadi merbahaya kapada kamu.

Jangan-lah mengorbankan nyawa kamu dengan sia-sia.